



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 1997**

---

**PENGURANGAN IMBUHAN TETAP KERAJIAN DAN  
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menetapkan kaedah pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Elaun Kerajaan dan Elaun Khidmat Awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1997 telah memaklumkan langkah tambahan yang perlu diambil untuk mengurangkan dan mengawal perbelanjaan awam. Di antaranya ialah pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan/Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan Elaun Kerajaan/Elaun Khidmat Awam, mana yang berkenaan, bagi anggota Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan

Pengurusan & Profesional dan sebahagian Kumpulan Sokongan di bawah skim perkhidmatan Sistem Saraan Baru dan anggota setaraf di bawah skim perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet. Walau bagaimanapun, pengurangan tersebut tidak seharusnya menjejaskan penerimaan apa-apa faedah semasa berikutan daripada perlantikan kali pertama, kenaikan pangkat, pergerakan gaji atau persaraan bagi anggota yang terbabit.

## **PELAKSANAAN**

3. Kaedah pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) di bawah skim perkhidmatan Sistem Saraan Baru (SSB) adalah seperti berikut -

### **3.1 Imbuhan Tetap Keraian**

<b>Kadar Semasa</b>	<b>Jumlah Pengurangan</b>
<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
5,300	606
5,200	547
5,100	534
5,000	511
4,000	431
3,300	395
3,050	345
2,650	323
2,500	293
2,150	276
800	113
600	103
550	92

500

88

### 3.2 Imbuhan Tetap Khidmat Awam\*

<b>Kadar Semasa</b>	<b>Jumlah Pengurangan</b>
<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
300	29
170	14

\* Pengurangan ini tidak terpakai bagi anggota perkhidmatan awam yang menerima ITKA kurang daripada RM 170.

4. Ketua Jabatan hendaklah membayar ITK atau ITKA, mana yang berkenaan, setelah menolak **Jumlah Pengurangan** mengikut perenggan 3 di atas daripada **Kadar Semasa**. Kadar semasa ialah kadar yang ditetapkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1996](#).

5. Bagi anggota di bawah skim perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet (JKK), Ketua Jabatan hendaklah juga membayar Elaun Keraian (EK) atau Elaun Khidmat Awam (EKA), mana yang berkenaan, setelah menolak **Jumlah Pengurangan** mengikut perenggan 3 di atas daripada **Kadar Semasa**. Kadar semasa ialah kadar yang ditetapkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1980](#).

### **PENGEQUALIAN**

6. Anggota lantikan kali pertama dalam Perkhidmatan Awam layak menerima ITK atau ITKA, mana yang berkenaan, atas kadar semasa (tanpa pengurangan) bagi bulan pertama sahaja. Pada bulan kedua dan seterusnya bayaran ITK atau

ITKA, mana yang berkenaan, hendaklah dikurangkan sepertimana yang ditetapkan di perenggan 3 dan 4 atau 5, mana yang berkenaan. Kaedah ini terpakai juga bagi anggota yang, melalui pergerakan gaji, kenaikan pangkat, pinjaman, pertukaran sementara atau perlantikan daripada satu jawatan ke jawatan lain dalam Perkhidmatan Awam, layak menerima ITK/EK atau ITKA/EKA, mana yang berkenaan, atas kadar semasa yang lebih tinggi. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan pembayaran ini dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan anggota berkenaan.

7. Ketua Jabatan hendaklah membayar ITK/EK atau ITKA/EKA, mana yang berkenaan, atas kadar semasa (tanpa pengurangan) bagi anggota yang bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan, pada bulan terakhir anggota berkhidmat. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan pembayaran ini dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan anggota berkenaan.

8. Penghitungan Gantian Cuti Rehat bagi anggota yang bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan, sekiranya layak, hendaklah dibuat mengikut formula yang ditetapkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1993](#) dengan mengambilkira kadar semasa (tanpa pengurangan) ITK/EK atau ITKA/EKA, mana yang berkenaan.

9. Pengiraan semua faedah persaraan yang diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 adalah tidak terjejas.

## **TARIKH KUATKUASA**

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998.

## **PEMAKAIAN**

11. Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MALAYSIA

KUALA LUMPUR

26 Disember 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan